

# MOLAX-M<sup>®</sup> FILM COATED TABLET

Domperidone maleate (10mg)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MOLAX-M<sup>®</sup>
2. Bagaimana MOLAX-M<sup>®</sup> berfungsi
3. Sebelum mengambil MOLAX-M<sup>®</sup>
4. Cara menggunakan MOLAX-M<sup>®</sup>
5. Semasa menggunakan MOLAX-M<sup>®</sup>
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MOLAX-M<sup>®</sup>
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan MOLAX-M<sup>®</sup>

MOLAX-M<sup>®</sup> digunakan untuk melegakan gejala muntah dan rasa loya.

## Bagaimana MOLAX-M<sup>®</sup> berfungsi

MOLAX-M<sup>®</sup> adalah sejenis ubat *antiemetic* dan *prokinetic*. Ia berfungsi dengan menyekat tindakan sejenis bahan kimia dalam otak yang menyebabkan rasa loya dan muntah. MOLAX-M<sup>®</sup> juga meningkatkan pergerakan atau pengecutan perut dan usus; ini meningkatkan kadar pergerakan makanan dalam perut.

## Sebelum mengambil MOLAX-M<sup>®</sup>

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil MOLAX-M<sup>®</sup> jika anda:

- alah kepada MOLAX-M<sup>®</sup> dan ubat lain yang mengandungi domperidone
- mempunyai masalah hati yang sederhana hingga serius
- mempunyai gangguan elektrolit badan
- alah kepada sebarang bahan yang tersenarai dalam seksyen Bahan-bahan kandungan dalam risalah ini.
- mempunyai tumor kelenjar pituitari yang dikenali sebagai *prolactinoma*
- mengalami kekejangan perut yang teruk atau najis yang berwarna hitam secara berterusan
- mengalami masalah jantung.
- mengalami keadaan di mana peningkatan dalam pengecutan perut atau usus boleh membahayakan anda. Sebagai contoh, jika anda sedang mengalami saluran pencernaan berdarah, tersumbat atau berlubang.

Jangan ambil MOLAX-M<sup>®</sup> jika:

- bungkusannya telah koyak atau kelihatan seperti telah dibuka
- tarikh luput telah berlalu

Sebarang persoalan tentang MOLAX-M<sup>®</sup> harus ditujukan kepada ahli profesional kesihatan anda.

### -Sebelum mengambil MOLAX-M<sup>®</sup>

Sila beritahu ahli profesional kesihatan anda jika:

- Anda hamil atau merancang untuk hamil.

- Bayi anda berumur kurang daripada 1 tahun
- Anda sedang menyusu atau ingin menyusu. (MOLAX-M<sup>®</sup> tidak digalakkan diambil semasa hamil kerana domperidone boleh dijumpai di dalam susu ibu tetapi pada tahap yang sangat rendah.)
- Anda mengalami atau pernah mengalami penyakit hati atau buah pinggang.
- Anda tidak boleh menghadamkan laktosa yang merupakan sejenis gula yang terdapat dalam susu dan produk susu.

Doktor anda akan menasihati anda sama ada MOLAX-M<sup>®</sup> adalah sesuai untuk anda atau jika anda perlu menyelaraskan dos.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu ahli profesional kesihatan anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

MOLAX-M<sup>®</sup> mungkin berinteraksi dengan sesetengah ubat. Sila beritahu ahli profesional kesihatan anda sekiranya anda sedang mengambil ubat-ubatan yang tersenarai di bawah:

- ubat untuk merawat jangkitan kulat seperti antikulat azole
- antibiotik seperti clarithromycin, levofloxacin dan erythromycin
- ubat untuk rawatan tekanan

# MOLAX-M<sup>®</sup> FILM COATED TABLET

Domperidone maleate (10mg)

---

darah tinggi atau sakit dada seperti diltiazem dan verapamil

- amiodarone, disopyramide, quinidine yang digunakan untuk merawat kadar jantung yang tidak tetap
- ubat untuk rawatan penyakit mental seperti haloperidol, pimozide
- antidepresan seperti citalopram dan escitalopram
- Cisapride untuk rawatan pedih ulu hati
- Methadone untuk rawatan ketagihan opiat

Senarai yang lebih lengkap tentang ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau yang perlu dielakkan semasa mengambil MOLAX-M<sup>®</sup> boleh diperolehi daripada ahli professional kesihatan anda.

## Cara menggunakan MOLAX-M<sup>®</sup>

### -Berapa banyak harus digunakan

Dos yang biasa di kalangan orang dewasa adalah satu biji tiga hingga empat kali sehari sebelum makan.

Anda tidak boleh mengambil lebih daripada empat tablet dalam satu hari. Doktor anda mungkin mengurangkan dos jika anda mempunyai masalah buah pinggang.

MOLAX-M<sup>®</sup> tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak kecuali untuk merawat muntah dan rasa loya selepas kanser kemoterapi atau radiasi.

### -Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

### -Berapa lama perlu digunakan

MOLAX-M<sup>®</sup> harus digunakan selagi doktor anda mengesyorkan ubat ini.

Biasanya, tempoh masa rawatan maksimum tidak boleh melebihi satu minggu untuk rawatan muntah dan rasa loya akut. Jika muntah dan rasa loya berterusan lebih daripada satu minggu, anda perlu berjumpa dengan doktor. Untuk rawatan lain, tempoh rawatan adalah sehingga 4 minggu.

### -Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos yang terlepas jika ia hampir masa untuk dos seterusnya. Ambil dos seterusnya pada waktu yang ditetapkan.

Jika tidak, ambil dos sebaik sahaja anda teringat, kemudian kembali mengambil pil anda seperti biasa.

Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang terlepas.

Semak dengan ahli professional kesihatan anda jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan atau jika anda terlepas lebih daripada satu dos.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau Pusat Racun Negara dengan segera untuk mendapatkan nasihat

sekiranya anda mengesyaki bahawa anda atau sesiapa mungkin telah mengambil terlalu banyak MOLAX-M<sup>®</sup>.

Pusat Racun Negara boleh dihubungi di:

- 1-800-88-8099 semasa waktu pejabat
- +6012-430 9499 selepas waktu pejabat

Ataupun, anda harus pergi ke hospital terdekat untuk mendapatkan rawatan. Semua ini harus dilakukan walaupun anda tidak mengalami tanda-tanda ketidakselesaian atau keracunan kerana anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Pengambilan MOLAX-M<sup>®</sup> yang terlalu banyak boleh mengakibatkan rasa mengantuk, kekeliruan dan pergerakan yang tidak terkawal seperti pergerakan mata yang tidak tetap atau postur yang tidak normal seperti leher terpulsa.

## Semasa menggunakan MOLAX-M<sup>®</sup>

### -Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli professional kesihatan anda sekiranya anda bakal memulakan rawatan dengan ubat baru.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan MOLAX-M<sup>®</sup> untuk merawat sebarang gejala lain melainkan jika doktor anda menasihati anda untuk berbuat demikian.

# MOLAX-M<sup>®</sup> FILM COATED TABLET

Domperidone maleate (10mg)

Jangan memberi rawatan anda kepada orang lain, walaupun anda mengesyaki bahawa mereka mengalami gejala yang sama seperti anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan MOLAX-M<sup>®</sup> adalah dikaitkan dengan risiko denyutan jantung yang luar biasa atau kegagalan jantung secara tiba-tiba. Risiko ini adalah lebih tinggi di kalangan orang yang berumur lebih daripada 60 tahun atau mereka yang mengambil lebih daripada tiga tablet setiap hari. MOLAX-M<sup>®</sup> harus digunakan dengan berhati-hati dan perlu diambil pada dos terendah yang berkesan. Sila rujuk kepada doktor anda sekiranya anda mengalami masalah jantung.

## **Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang kadang-kadang serius.

Hubungi ahli profesional kesihatan anda jika anda mengalami:

- kekejangan perut
- ruam atau kulit gatal
- denyutan jantung yang cepat atau tidak teratur

Ini bukan senarai lengkap untuk semua kesan sampingan yang mungkin berlaku. Sila rujuk kepada ahli profesional kesihatan anda sekiranya anda mendapati bahawa anda merasa kurang sihat semasa rawatan MOLAX-M<sup>®</sup> atau sejour selepas anda menghabiskan

rawatan MOLAX-M<sup>®</sup>.

Sila rujuk kepada ahli profesional kesihatan anda untuk mendapat maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan MOLAX-M<sup>®</sup>**

### -Penyimpanan

- Jauhi daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah 30°C dalam bekas tertutup ketat.

### -Pelupusan

Sila merujuk kepada ahli profesional kesihatan anda untuk pelupusan baki ubat yang telah dihentikan oleh doktor atau telah tamat tempoh.

## **Maklumat Lanjut**

### -Rupa dan warna MOLAX-M<sup>®</sup>

Tablet MOLAX-M<sup>®</sup> adalah tablet bersalut filem yang bulat, putih dan dwicembung

dengan logo  pada satu permukaan dan huruf 'M' di satu lagi permukaan. Setiap kotak mengandungi 100 tablet.

### -Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
10 milligram domperidone

maleate dalam setiap tablet MOLAX-M<sup>®</sup>.

Bahan tidak aktif:

Talcum, methylene chloride, sodium starch glycolate, pharmacoat 615, PEG 4000, titanium dioxide, lactose, polyvinyl pyrrolidone, magnesium stearate, tapioca starch.

-Nombor MAL:  
MAL20020484A

## **Pengilang**

Siam Bheasach Co., Ltd.,  
123 Soi Chokechairuammitr,  
Vibhavadi-Rangsit Road,  
Chatuchak, Bangkok 10900 dan  
9 Soi Chokechairuammitr 3,  
Vibhavadi-Rangsit Road,  
Dindang, Bangkok 10400,  
Thailand.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

SPG Pharma (Malaysia) Sdn.  
Bhd.,  
Suite 1701, Block A,  
Damansara Intan e-Business  
Park, No. 1, Jalan SS20/27,  
47400 Petaling Jaya, Selangor  
Darul Ehsan, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

18/01/2016

## **Nombor siri:**

BPFK(R4/1)211215/00504